



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004

Pemenang Anugerah Perdana
Teknologi Maklumat 2006



Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Kami : JPA(S)(K)134/8/56 Klt.2(28)

Tarikh : 06 Mac 2009

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN JAWATAN KUMPULAN SOKONGAN,
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI BAWAH KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DI SEMENANJUNG
MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang menyelaras urusan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang mula memangku antara **1 Mei 2008 hingga 31 Ogos 2008 dan telah menyempurnakan pemangkuan** bagi jawatan-jawatan seperti berikut:

- i. Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 dan N36; dan
- ii. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 dan N32.

3. Pegawai-pegawai yang memangku **Bukan Dengan Tujuan Naik Pangkat (BTNP)** sejak tahun 2005/2006 dan telah memenuhi syarat tetapi belum diberi kenaikan pangkat juga layak dipertimbangkan dalam urusan ini.

4. Bagi menyempurnakan urusan tersebut, Jabatan ini memohon kerjasama pihak Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan untuk menyediakan maklumat-maklumat berikut:

- i. Salinan sah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 2006, 2007 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) (bagi pegawai yang mula memangku antara 1 Mei 2008 hingga 31 Ogos 2008) Manakala bagi pegawai yang memangku BTNP salinan sah LNPT 2005, 2006 dan 2007 perlu dikemukakan;
- ii. Melengkapkan borang pengesahan dan perakuan Ketua Jabatan seperti di **Lampiran A**; dan

Melengkapkan Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan seperti di **Lampiran B**.

5. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai di talian/e-mel berikut:

- | | | |
|------|--|-------------|
| i. | Encik Ahmad Fauzi bin Idris
afauzi@jpa.gov.my | 03-88854102 |
| ii. | Encik Mohd Firdaus bin Abdul Aziz
firdaus.aziz@jpa.gov.my | 03-88854330 |
| iii. | Puan Munirah binti Mahmood
munirahm@jpa.gov.my | 03-88854939 |
| iv. | Cik Norhayati binti Puasa
norhayati.puasa@jpa.gov.my | 03-88854941 |

6. Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada 31 Mac 2009** ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Aras 6, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Ahmad Fauzi bin Idris)

7. Kerjasama Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL RAHIM BIN ISHAK)
Timbalan Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

**SURAT PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI TUJUAN
PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN SOKONGAN
GUNASAMA PERSEKUTUAN**

1. Saya mengesahkan bahawa
No. K/P jawatan
memangku gredmulai.....
telah mematuhi perkara-perkara berikut :-

- (a) bebas dari hukuman / tindakan tatatertib ;
- (b) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- (c) lulus tapisan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan
- (d) lulus semua Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan.

2. Dengan ini saya ***memperakukan / tidak memperakukan** kenaikan pangkat bagi pegawai ini.

.....
Tandatangan Ketua Jabatan

Nama:

Jawatan:

Cop Jabatan:

Tarikh:

**potong mana yang tidak berkenaan.*

Rujukan: _____

Kepada:

Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan

.....

**SURAT AKUAN
PINJAMAN PENDIDIKAN / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya No. K.P: mengesahkan bahawa:

- Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh..... hingga sebanyak RM..... dan mulai tarikh hingga sebanyak RM..... . Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh..... hingga sebanyak RM..... dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai/ potongan gaji mulai ;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh..... hingga sebanyak RM..... dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :